



TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT PERKHIDMATAN AR-RAHNU 360

KEMUDAHAN PEMBIAYAAN PRODUK AR-RAHNU

Koperasi Co-opbank Pertama Malaysia Berhad (“**CBP**”) bersetuju untuk menyediakan Kemudahan Pembiayaan Produk Ar-Rahnu kepada Pelanggan yang layak dan Pelanggan dengan ini terikat dengan terma dan syarat seperti di bawah (“**Terma dan Syarat**”). Matlamat CBP adalah untuk menyediakan proses yang pantas, efisien dan telus bagi pelanggan yang ingin menilai semula barang kemas emas secara atas talian.

Terma dan syarat ini menggariskan peraturan dan panduan untuk pengguna perkhidmatan gadaian semula secara atas talian yang ditawarkan oleh Koperasi Co-opbank Malaysia Berhad (CBP). Dengan mengakses atau menggunakan platform CBP untuk penilaian semula Ar-Rahnu secara atas talian, pelanggan bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat ini, serta mana-mana polisi, garis panduan, atau peraturan yang mungkin dikemas kini dari semasa ke semasa.

Jenis produk yang ditawarkan untuk gadaian semula adalah seperti produk sedia ada. Bank berhak untuk menawarkan produk mengikut terma dan syarat yang disediakan di bawah Terma dan Syarat ini. Bank berhak untuk meminda terma ini dari semasa ke semasa dengan memberikan notis dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Pelanggan.

Kelayakan Pengguna

- Pelanggan Sedia Ada atau Pelanggan Baharu yang telah melanggan produk Ar-Rahnu CBP boleh menggunakan perkhidmatan ini.
- Perkhidmatan ini terbuka hanya kepada warganegara Malaysia atau penduduk tetap.
- Pengguna mesti berumur 18 tahun ke atas dan tidak diisytiharkan muflis atau dalam status kebangkrapan.

Pendaftaran dan Akses

- Layari pautan HeloCBP di <https://www.helocbp.com.my>.
- Daftar dengan mencipta **Username** dan **Password** untuk tujuan pendaftaran.
- Setelah pendaftaran selesai, pelanggan perlu log masuk ke portal HeloCBP menggunakan **Username** dan **Password** yang telah dicipta.
- Setelah berjaya log masuk, pelanggan boleh melihat senarai akaun gadaian yang berdaftar di dalam Ar-Rahnu 360.
- Pelanggan boleh memilih dan klik pada akaun gadaian yang tertera untuk melaksanakan proses Ar-Rahnu 360.

- Peranti yang Diperlukan: Pengguna disarankan menggunakan peranti yang mempunyai akses internet yang stabil, seperti komputer, laptop, atau telefon pintar, untuk mengakses portal secara mudah dan lancar.

Kemudahan dalam Ar-Rahnu 360

Setelah berjaya log masuk, pengguna dapat memanfaatkan pelbagai fungsi dan kemudahan yang disediakan di portal, antaranya:

- Permohonan Gadaian Semula: Pengguna boleh memohon untuk gadaian semula barang kemas emas mereka secara atas talian. Nilai gadaian semula akan dikira berdasarkan penilaian emas semasa.
- Paparan Status Gadaian: Pengguna boleh melihat status transaksi gadaian, termasuk nilai semasa gadaian, baki pembiayaan, kadar keuntungan dan jumlah keseluruhan pembiayaan serta tempoh tamat akaun gadaian.
- Pembayaran dalam Talian: Pembayaran pembiayaan dan kadar keuntungan boleh dilaksanakan melalui platform <https://www.helocbp.com.my>
- Laporan dan Notifikasi: Pengguna akan menerima notifikasi mesej melalui p Ar-Rahnu 360 untuk sebarang perkembangan terbaru mengenai pembiayaan, pembayaran, atau proses gadaian semula.
- Bank berhak untuk menolak sebarang permohonan yang tidak memenuhi kriteria Terma dan Syarat serta Polisi CBP.

Bayaran Perkhidmatan

- Tiada bayaran perkhidmatan yang dikenakan untuk permohonan gadaian semula dalam talian.

Waktu Lebihan Wang Dikreditkan

- Lebihan wang akan dikreditkan dalam akaun simpanan pelanggan dalam tempoh 1 jam selepas permohonan berjaya dibuat dalam platform Ar-Rahnu 360.

Waktu Operasi

- Pelanggan boleh mengakses perbankan internet aplikasi HELOCBP untuk membuat transaksi gadaian semula Ar-Rahnu pada setiap hari 7 hari seminggu.
- Isnin hingga Ahad – 6 Pagi hingga 9 malam.
- Jumaat – 12.30 tengahari hingga 2.30 petang (Tutup-Solat Jumaat/Bsas)
- Walaubagaimanapun pihak bank berhak untuk membuat perubahan waktu transaksi mengikut budi bicara pihak bank.

Keselamatan dan Privasi

- Kata laluan dan ID pengguna adalah rahsia dan pengguna perlu menjaga keselamatannya. Jika pengguna lupa kata laluan, mereka boleh reset kata laluan melalui portal dengan mengikuti langkah-langkah yang disediakan.
- Penyedia perkhidmatan akan memastikan semua data pengguna dilindungi dengan memastikan kerahsiaan dan keselamatan maklumat peribadi pengguna.
- Maklumat data pelanggan akan disimpan dalam tempoh 7 tahun dari tarikh permohonan.